Masalah kesihatan akibat penggunaan berterusan produk mengandungi bahan kimia

Orang muda dapat penyakit tua

Oleh SITI KAMILAH MUSTAPHA
kamilah.mustapha
@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR – Orang ramai yang terlalu banyak menggunakan bahan kimia dalam industri seperti plastik dan produk penjagaan peribadi tercemar mungkin terdedah kepada hormon berbahaya xenoestrogen.

ASHIKIN

PAUZI

Hormon itu diserap secara berterusan menerusi penggunaan kosmetik, plastik, petroleum dan bahan pencuci sehingga menyebabkan seseorang itu menghadapi masalah kesihatan tanpa disedari.

Pengerusi Eksekutif Pusat Perubatan PrimaNora, Datuk Dr. Nor Ashikin Mokhtar mendedahkan, ia menjadi punca ramai orang muda yang berusia seawal 15 tahun terdedah kepada penyakit dan ketumbuhan yang biasanya dihidapi golongan dewasa.

"Sekarang ramai remaja yang menjadi pesakit saya sudah ada fibroid dalam perut, ketumbuhan di payu dara, gangguan hormon malah lelaki pula ada masalah kesuburan," jelasnya ketika ditemui *Kosmo!* di pejabatnya di sini baru-baru ini.

Beliau yang juga pakar obstetrik dan ginekologi menambah, jika penggunaan bahan-bahan itu tidak diawasi dan dikurangkan ia menyebabkan xenoestrogen semakin berleluasa dalam badan dan mendorong kepada berlakunya masalah hormon tidak seimbang.

"Contohnya, semakin ramai bayi sudah terdedah dengan plastik yang ada BPA (Bisphenol A). Apabila remaja, mereka menggunakan pula produk kosmetik dan pencuci yang banyak bahan kimia, akhirnya tanpa disedari mereka mendapat penyakit orang dewasa lebih awal," ujarnya.

Antara masalah yang beliau bangkitkan ialah datang haid lebih awal, remaja hadapi masalah kesuburan, putaran haid terlalu banyak dan kadang-kadang terlalu sedikit, fibroid, tiroid dan masalah reproduktif lain," jelasnya.

PRODUK kegunaan harian yang diperbuat daripada plastik boleh mendatangkan masalah kesihatan jika ia mengandungi BPA atau polikarbonat. – Gambar hiasan

Nor Ashikin memberitahu, masalah itu sudah lama disedari tetapi seolah-olah tidak disebarkan.

"Ramai juga pesakit saya ada masalah sukar untuk tidur, kembung perut, banyak jerawat, berat badan sentiasa turun naik, haid tidak datang, senggugut dan rambut gugur. Sebenarnya semua itu adalah masalah gangguan hormon.

"Gangguan hormon akibat xenoestrogen itu hasil penggunaan produk harian dan diburukkan lagi dengan makanan yang kita makan turut terdedah kepada hormon asing itu," jelasnya.

Sebagai penyelesaian kepada pesakitnya yang mempunyai masalah hormon tidak stabil, beliau menyarankan orang ramai mengambil langkah awal membuat pemeriksaan darah.

Penyelaras Pusat Kecemerlangan Forensik Alam Sekitar, Fakulti Pengajian Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia, Prof. Dr. Mohamad Pauzi Zakaria berkata, penggunaan plastik dalam pembungkusan makanan dan minuman boleh mendedahkan kanak-kanak lelaki kepada banyak hormon perempuan.

Katanya, pendedahan kepada BPA dan bahan kimia dalam minuman, Di (2-ethylhexyl) Phthalate (DEHP) menjadikan kanak-kanak lelaki mempunyai jumlah hormon estrogen yang biasanya ada pada perempuan melebihi daripada hormon testosteron lelaki.

INFO Xenoestrogen

- Juga dikenali estrogen alam sekitar atau asing. Ia terbentuk daripada sumber bahan kimia dalam kompaun industri seperti plastik yang ada BPA
- Penggunaan kompaun estrogen kini meningkat dalam makanan yang diberikan kepada ayam untuk membesar, telur dan pengeluaran susu
- Paling teruk penggunaan bekas makanan plastik yang boleh dimasukkan dalam ketuhar dan bekas syampu

Penyelesaian masalah xenoestrogen

- Guna gelas atau seramik dalam penyimpanan makanan
- Elak panaskan makanan daripada pembungkus pastik atau bekas 'Selamat Ketuhar' dalam ketuhar kerana ia boleh menyebabkan 500,000 kali minimum jumlah xenoestrogen stimulasi sel kanser payudara
- Guna pencuci yang kurang bahan kimia
- Guna syampu herba
- Elak penggunaan bahan kimia sintetik
- Guna produk organik

Periksa nombor kod produk plastik

- Boleh diperiksa di bawah setiap bekas plastik yang tertera nombor seperti 1, 2, 3, 4, 5, 6 atau 7
- Nombor 3, 6 dan 7 biasanya mengandungi polikarbonat yang lazimnya mengandungi BPA
- Ia kerap ditemui di bawah botol susu dan bekas air
- Produk itu akan mengeluarkan unsur BPA apabila dipanaskan atau terkena panas

Sumber: *www.medicinenet.com*